

# Abu Bakar 'dipujuk' jangan keluar Pas



DATUK ABU BAKAR

ALOR STAR, Khamis — Bekas setiausaha agung Pas, Datuk Haji Abu Bakar Umar mendedahkan hari ini, Timbalan Yang Dipertua Agung parti itu, Encik Fadzil Noor dan Bendahari Pas Kedah, Encik Mustapha Long telah menemuinya dan merayu supaya beliau jangan keluar dari Pas.

Katanya, kedua tokoh Pas itu menemuinya di rumahnya di Langgar dekat sini pada 15 Julai lalu.

## Tindakan disiplin

Mereka meminta saya "bekerja kembali untuk Pas dan kalau saya berbuat demikian saya akan disanjung oleh orang-orang Pas" katanya kepada *Berita Harian*.

Datuk Bakar Ahli Parlimen Kota L...

Star menerangkan, mereka juga merayu beliau duduk di kerusi Pas di barisan depan di Dewan Rakyat

Datuk Bakar meninggalkan kerusi Pas dan duduk bersama-sama tiga orang rakannya yang keluar dari parti itu di sidang Dewan Rakyat mulai 14 Mac sebagai menunjukkan simpatinya ke atas 'Kumpulan 13' yang dikenakan tindakan disiplin oleh Pas.

Beliau menjelaskan beliau akan terus duduk di kerusi barisan belakang di dewan itu.

Beliau berkata, beliau 'berbual panjang' dengan mereka tetapi enggan memberitahu apa yang dibualkan.

Sumber-sumber Pas Kedah mengesahkan pertemuan itu tetapi enggan mengulas lebih lanjut.

Mengenal berita yang mengatakan beliau memasuki parti baru Hizbulmuslimin (Hamim) Datuk Bakar berkata: "Saya belum masuk Hamim lagi."

Soal sama ada beliau tersingkir atau tidak dari Pas kalau memasuki Hamim, tidak timbul kerana beliau belum menyertai parti baru itu, katanya.

"Tetapi kalau mereka (Pas) hendak menyingkirkan saya sekarangpun mereka boleh berbuat demikian kerana sayapun memang menunggu untuk dipecat," katanya.

Beliau kesal dengan kenyataan wakil tunggal Pas di Dewan Rakyat, Haji Nik Aziz bin Nik Mat yang tidak mengiktirafnya (Datuk Bakar) sebagai anggota Pas kerana beliau tidak lagi membayar ctaunnya kepada Pas.

Anggapan itu tidak betul kerana selagi Pas sendiri tidak menyingkirkan saya atau saya isytihar keluar dari parti, saya masih tetap ahli parti itu," kata Datuk Bakar.

Datuk Bakar menarik balik ctaunnya Februari lalu juga sebagai protes terhadap tindakan Pas ke atas bekas yang dipertua Pas, Datuk Asri Haji Muda serta 12 ahli Pas lain.

Sementara itu di Kota Bharu, lebih 1,000 orang bekas penyokong dan ahli Pas dalam kawasan Parlimen Machang akar menyertai parti baru Hizbulmuslimin (Hamim) dan serentak dengan itu menubuhkan Hamim Bahagian Machang, esok.

## Kawasan

Penyokong-penyokong Pas itu, yang diketuai oleh seorang tokoh Pas Machang, Encik Muhammad bin Taib, telah keluar dari Pas tiga bulan lalu dan menyokong Hamim, pimpinan Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda.

Naib Presiden Hamim, Haji Wan Ismail Haji Wan Ibrahim berkata, ibu pejabat Hamim di sini telah menerima permohonan dari bekas-bekas ahli dan penyokong Pas kawasan itu untuk menubuhkan Hamim kawasan Machang.

Katanya, beliau menerima jemputan sebagai naib presiden Hamim untuk merasmikan penubuhan Hamim kawasan itu esok.

Mengulas mengenai kenyataan Timbalan Pesuruhjaya Pas Negeri Terengganu, Encik Mustapha Ali, yang menyebutkan bahawa 'bagi Pas, Hamim tidak pernah wujud di Terengganu', Haji Wan Ismail berkata, Hamim menyahut cabaran itu untuk membuktikannya.

Katanya, Hamim akan mengembangkan sayapnya di Negeri Terengganu dan sudah pasti Hamim akan wujud di negeri itu.

Mehurut beliau, parti Hamim akan menubuhkan sebuah kawasannya di bandar Jertih.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia